

# KEMAJUAN MALAYA TIDAK MENGUNTUNGKAN BANGSA MELAYU

“Kemajuan Malaya tidak sedikit pun bererti kepada bangsa Melayu. Kemajuan Malaya bukannya kemajuan Melayu! Kemajuan Malaya “(menurut keadaan sekarang) hanya menyebabkan kehidupan bangsa Melayu terhimpit dan tertindas....” demikian kata penulis rencana ini antara lain-P.Q.

(Oleh: Rahim)

Tidak syak lagi Semenanjung Tanah Melayu telah mencapai banyak kemajuan dan apa juga alat-alat atau rekaan baharu yang diciptakan dan dipakai di negeri-negeri yang berkemajuan adalah juga terpakai di negeri kita. Dalam lapangan ini Malaya bolehlah dikatakan dapat bersaing dengan negeri-negeri itu dan mengatasi sebahagian dari negeri-negeri asing yang lain.

Hari ini lombong-lombong bijih dan estet-estet getah dan lain-lainnya di Malaya telah menggunakan segala kemajuan teknik yang dipakai di negeri-negeri Amerika dan Eropah. Bermacam-macam alat jentera telah digunakan untuk memudahkan pembongkaran kekayaan yang terpendam dan meringankan tenaga bekerja.

Dalam lapangan kehidupan hari-hari dan mengenai barang-barang pemakaian juga Malaya tidak jauh ketinggalan dari negeri-negeri ini. Sekarang kita sudah ada jentera pencuci kain, peti sejuk, dapur karan dan apa yang tidak.....dan dalam sedikit hari lagi mungkin pula peti gambar (televisyen) pula akan muncul di Malaya ini bagaimana yang sedang ada diwar-warkan hendak didirikan perhentian di Singapura itu. Dengan adanya peti gambar ini, nanti orang tidak payah pergi menonton bola sepak di padang, bertinju di gelanggang, tarian di panggung tetapi cukup dengan duduk di rumah sendiri dan membuka butang nanti segala yang diingini

itu datang sendiri ke dalam rumahnya.

Dalam lapangan pembinaan pula, pencakar-pencakar langit telah pun didirikan di Singapura, kenderaan memenuhi jalan dan jalan raya adalah berselerak di merata ceruk di Malaya ini; keretapinya sudah tidak pakai arang lagi dan pelabuhan-pelabuhan penuh dengan kapal api yang melayari tujuh buah lautan alam ini.

Hutan rimba telah pun dibuka menjadi bandar, bukit-bukit yang ada mengandungi kekayaan menjadi negeri dan penduduk dari empat penjuru alam ini semuanya boleh dijumpai di Malaya ini.

Tidak boleh lagi Malaya dipanggil negeri yang penuh dengan hutan rimba yang didiami oleh penduduk-penduduk yang separuh liar. Sekarang kelab-kelab malam sentiasa menghiburkan penonton-penontonnya. Panggung permainan penuh sesak dengan manusia, taman penghiburan dan peranginan sentiasa dikunjungi, hotel-hotel dipenuhi pelawat dan demikianlah seterusnya.

Dalam lapangan pelajaran pula beratus-ratus bahkan beribu-ribu buah sekolah telah diadakan. Sekolah Inggeris, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah Melayu, sekolah menengah dan maktab, juga tidak kurang dan universiti telah pun ada dua buah.

Rumah sakit juga tidak kurang banyaknya; begitu juga balai-balai polis. Pendeknya sungguh jauh

dan banyak kemajuan-kemajuan yang telah berada di Malaya.

Bagi penduduk-penduduknya pula kini tali leher,  
kasut, flannel, shark skin, fame badge, kaca mata  
hitam dan lain-lain adalah menjadi pakaian hari-hari  
pemuda-pemuda kita, manakala pemudi-pemudi bermacam-macam  
pakaian pula, ada yang mengikut pakaian barat dan tidak  
kurang pula yang memakai pakaian kebangsaan masing-masing:  
Cheongsam, sari, gaun, kebaya dan seterusnya.

Pergaulan-pergaulan juga telah bebas dan pemuda pemudi  
selalu sahaja berpasang-pasangan mengambil angin atau menonton  
bermotokar, dan berbasikal Tidak lagi ada  
perpisahan antara pemuda pemudi itu sebagaimana  
zaman lampau, dan tidak lagi wanita-wanita itu tersipu-sipu

dan kekok bila menghadapi majlis. Begitulah pesatnya

kemajuan yang telah dicapai.

Tetapi adakah segala kemajuan dan faedah dari  
kemajuan itu sama-sama dinikmati oleh bangsa-bangsa Melayu?  
Ini perlukan fikiran yang tenag bagi menjawabnya.

Sekarang mari kita lita selidiki bahagian penduduk  
dan masyarakat di Malaya. Mulanya kita akan dapati  
masyarakat di Malaya terbahagi kepada dua masyarakat berasingan.  
Yang pertama masyarakat bandar dan yang keduanya masyarakat  
kampung dan desa. Kemudian kita dapati penghuni  
masyarakat yang pertama ini terdiri dari bangsa-bangsa asing  
dan sedikit-sedikit terpelajar-terpelajar Melayu manakala penghuni  
masyarakat yang kedua itu ialah bangsa Melayu dan sedikit



Pelajar-pelajar "Madrasah Indonesia" Makkatu al-Mukarramah bergambar ramai dengan mudir al-ustaz 'Abdul Jalil al-Muqadisy (duduk nombor 2 dari kiri). Sayugia disebut, madrasah ini telah didirikan pada tahun 1927 dan sedang berjalan dengan majunya hingga hari ini di tanah suci. (Kiriman: Haji Ibrahim al-Fikriy, anggota Ikhwan 2129).

sekali bangsa-bangsa asing, dan akhirnya dapat segala apa jua perubahan yang berlaku hanya di sekitar bandar dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sahaja manakala keadaan di kampung dan di desa tidak ada perubahan.

Setelah ini jelas, dapatlah kita menjawab dengan tepat bahwa segala kemajuan dan perubahan-perubahan itu tidak menyentuh masyarakat bangsa Melayu dan dengan sebab itu ia bukannya memberi keutamaan kepada bangsa Melayu, sebaliknya ia mendatangkan banyak kerugian bahkan penderitaan kepada bangsa Melayu!.

Saksikanlah sahaja rumah-rumah yang besar-besar, kebun-kebun yang luas, gedung-gedung yang penuh dengan dagangannya, kapal-kapal yang memenuhi pelabuhan, kenderaan-kenderaan yang meluncur di jalan raya dan seterusnya segala kemudahan, penghiburan dan permaianan adalah kepunyaan orang asing belaka. Alihkanlah pula pandangan kepada lombong-lombong dan estet-estet, itupun semuanya dimiliki oleh orang-orang asing belaka.

Jadi tepatlah segala kemajuan dan kemudahan itu hanya untuk orang lain yang menjadi penduduk bandar tempat segala kemajuan atau perubahan itu.

Sekolah-sekolah dan universiti hanya di bandar sahaja yang didirikan, rumah sakit dan rumah keamanan juga begitu, demikian juga perkhidmatan-pekhidmatan masyarakat. Pendek kata segala sesuatu yang memberi faedah dan keuntungan kepada rakyat hanya di bandar dan di pekan-pekan sahaja yang diadakan, sedang di pekan-pekan dan di bandar-bandar itu sebagaimana yang telah dikatakan tadi dipenuhi oleh bangsa-bangsa asing. Maka dengan begitu, mereka lah yang banyak mendapat faedah dari keuntungan itu.

Sebab itulah kita dapatti mereka berpelajaran tinggi, kesihatan bagus dan keamanannya terjamin, pergaulannya lebih dan kemajuannya tinggi.

Bandar dan pekan itu juga menjadi pusat

pemerintahan dan ekonomi dan sebab itu tumpuk ekonomi juga berada di tangan mereka.

Tidak ada satupun kemudahan-kemudahan dan kesenangan itu yang sampai ke desa-desa dan kampung-kampung, tempat kediaman bangsa Melayu. Jadinya masyarakat bangsa Melayu tetap tidak berubah.

Kepada bangsa melayu, dikecualikan sebilangan kecil yang tinggal di bandar-bandar dan di kawasan-kawasan bandar yang berhampiran dengannya, tetap hidup dalam cara lamanya, cara nenek moyang seratus dua ratus tahun yang lewat. Sungai itulah jalan rayanya; perahu dan jalur itulah kenderaannya; semak dan belukar itulah padang peranginann dan permainan; surau dan madrasah tulah sekolahnya; pak haji dan pak lebai itulah guru dan pendetanya; pawang tabibnya; membunyikan ayat-ayat al-Qur'an itulah pelajarannya; jampi dan mentera itulah sarjananya dan begitulah seterusnya.

Mereka tidak mengenal perubahan dan tidak mengerti kemajuan: mereka hidup dalam sebuah dunia lain iaitu dunia kampung mereka sendiri yang tidak berubah-ubah semenjak berkurun-kurun dahulu.

Mereka masih bekerja dengan cara tuannya di atas seekar dua ekar tanah yang ditanamkan dengan jagung tebu, pisang dan seumpamanya. Mereka masih bertanam padi huma di atas bukit yang bukannya pula hak milik mereka. Rumahnya daripada nibong dan buluh, berdindingkan kulit-kulit kayu dan beratapkan daun sagu.

Pada waktu pagi, mereka keluar bekerja dengan perut yang kosong menyumbangkan tenaganya sehabis kudrat dan setelah matahari tercegap barulah mereka merasai makanan nasi. Jarang mereka merasai kopi, teh dan kalau lampuk itulah pengantinya untuk menjadi makanan pagi, petang atau pun malam.

Sungai itulah menjadi kolam mandi dan pancuran air minumannya. Pakaianya menyedihkan.

Tulis baca kebanyakannya mereka tidak tahu hinggakan hukum-hukum agama yang fardhu ain pun kelam kabut.

Inilah secara ringkas keadaan masyarakat Melayu di kampung-kampung dan di desa-desa yang penuh pula dengan seribu satu macam kepercayaan yang karut marut. Mereka berpuas hati kiranya humanya menerbitkan hasil yang baik yang boleh menjamin kehidupan mereka sepanjang tahun itu.

Inilah gambaran ringkas tetapi jelas tentang masyarakat bangsa Melayu iaitu tidak pun disentuh lagi oleh segala kemajuan dan perubahan itu, Sebab itu kemajuan Malaya itu tidak sedikit pun bererti kepada bangsa Melayu- kemajuan Malaya bukannya kemajuan Melayu!

Sebaliknya segala kemajuan itu mendatangkan kerugian kepada bangsa Melayu kerana dengan adanya segala kemajuan-kemajuan itu menyebabkan kehidupan bangsa Melayu makin terhimpit dan tertindas. Kemajuan bererti perubahan dan perubahan ini adalah semata-mata menguntungkan orang-orang bandar sahaja. Bangsa-bangsa asing telah makin bertambah ramai hingga ia mengatasi bilangan penduduk asli- anak Melayu, dengan kemajuan itu perniagaan semakin lancar dan luas tetapi semuanya dipegang oleh bangsa asing. Segala kemudahan dan peluang yang diadakan oleh pemerintah semuanya terdapat kepada bangsa asing: pelajaran, pergaulan dan segala-galanya, dan mereka telah mendahului atau ke depan dari bangsa Melayu.

Kekayaan negara dan perbendaharaan alam adalah dalam

tangan orang-orang asing belaka manakala anak negeri tetap ketinggalan dan terbiar hidupnya.

Kesimpulannya: Bangsa Melayu hidup di kampung-kampung dan di desa-desa sedang pemerintah hanya memberi perhatian kepada penduduk-penduduk bandar sahaja. Oleh itu untuk kemajuan bangsa Melayu dan untuk meningkatkan ekonomi kepada kampung dan desa segala perkhidmatan masyarakat dan segala apa kemudahan dan kesenangan yang diadakan di bandar hendaklah juga diadakan di kampung dan di desa.



Che' 'Azizah Daud sedang memberi kata-kata sambutan

dalam Ihtifāl Madrasah Mashor al-Islāmiyyah

lil banāt Pulau Pinang.

\*\*\*